



**UCAPAN TAAT SETIA
YAB DATUK HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA**

**SEMPENA ISTIADAT ANGKAT SUMPAH
DAN MENANDATANGANI SURAT CARA SUMPAH
JAWATAN YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA**

**5 JUN 2020 (JUMAAT), MASA: 10:00 PAGI
BALAI ISTIADAT, SERI NEGERI, AYER KEROH**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَّكَاتُهُ

DAN

SALAM SEJAHTERA

Ke Hadapan Yang Dikasihi;

Tuan Yang Terutama, Tun Datuk Seri (Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka;

Yang Amat Berbahagia, Toh Puan Datuk Wira Hajah Asmah binti Haji Abdul Rahman;

UCAPAN ALUAN

1. Memulakan kalam, bagi pihak Kerajaan dan rakyat negeri Melaka, saya menyembah ucapan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-XVI, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah kerana telah mengampuni perkenan terhadap pelantikan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka pada pagi Jumaat yang penuh barakah ini.

2. Begitu juga, bagi pihak Kerajaan dan seluruh rakyat negeri Melaka, saya menzahirkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ikrar taat setia kepada Tuan Yang Terutama, Tun Datuk Seri (Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka dan Yang Amat Berbahagia, Toh Puan Datuk Wira Hajah Asmah binti Haji Abdul Rahman bersempena Istiadat Angkat Sumpah Jawatan dan Menandatangani Surat Cara Sumpah Jawatan Yang di-Pertua Negeri Melaka.

3. Sesungguhnya, Kerajaan dan sekalian rakyat negeri Melaka amat bersyukur ke hadrat Allah, Tuhan Rabbul Jalil di atas limpah perkenan, kudrat serta inayah-Nya yang telah mengabsahkan pelantikan Tuan Yang Terutama Tun, sebagai Yang di-Pertua Negeri Melaka.

4. Saya juga memanjatkan doa ke hadrat Allah SWT, semoga Tuan Yang Terutama Tun serta Yang Amat Berbahagia Toh Puan dilanjutkan usia, dilimpahkan keafiatan serta sentiasa berada di dalam rahmat dan maghfirah-Nya.

5. Bagi pihak Kerajaan, Anggota-anggota Perkhidmatan Awam serta sekalian rakyat negeri Melaka berasa amat bertuah kerana majlis yang penuh istiadat lagi bersejarah ini telah dapat disempurnakan sebentar tadi.

Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan;

6. Istiadat Pelantikan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka Ke-7 pada hari ini mencatat sejarah yang tersendiri kerana buat julung kalinya dalam lembaran tawarikh moden Negeri Melaka sejak negara mencapai kemerdekaan di mana seorang anak watan negeri telah diangkat pada kedudukan yang tertinggi sebagai Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka.

7. Pada kesempatan ini, bagi pihak Kerajaan dan seluruh rakyat Negeri Melaka, saya dengan penuh sukacita turut menzahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Tuan Yang Terutama, Tun Datuk Seri Utama Dr Mohd Khalil bin Yaakob, Yang di-Pertua Negeri Melaka Ke-6 di atas segala jasa dan khidmat bakti yang telah dicurahkan selama kira-kira 16 tahun sejak tahun 2004 kepada Negeri Melaka bumi bersejarah ini.

**BUNGA KESIDANG, POHON SELASIH,
KEMBANG SETIA, PAYUNG NEGERI;
RAKYAT MELAKA, MENJUNJUNG KASIH,
JASA TUAN YANG TERUTAMA TUN TIDAK TERPERI.**

Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan;

8. Bersempena dengan majlis penuh istiadat lagi bersejarah ini, saya bersama-sama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Rakyat Negeri Melaka, Ahli-ahli Dewan Negara Negeri Melaka, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Melaka, saf pimpinan di pelbagai peringkat serta seluruh rakyat negeri Melaka, sekali lagi memperbaharui ikrar taat setia yang tidak berbelah-bahagi kepada Tuan Yang Terutama Tun, Negeri Melaka dan Negara Malaysia yang tercinta.

9. Berbekal pengetahuan dan pengalaman yang begitu luas Tuan Yang Terutama Tun dalam hal ehwal pentadbiran dan kepimpinan sama ada di peringkat Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri Melaka, saya bagi pihak Kerajaan dan rakyat Negeri Melaka menaruh penuh keyakinan betapa Negeri Melaka yang dicintai ini akan terus melakar kejayaan, mencipta kecemerlangan dan menempa

kegemilangan seperti yang pernah dikehendaki dalam era keagungan Kesultanan Melayu Melaka di bawah naungan Tuan Yang Terutama Tun sebagai Yang di-Pertua Negeri Melaka.

10. Bagi pihak Kerajaan dan rakyat negeri Melaka, saya akan terus bersama-sama berganding bahu dan berpimpin tangan dengan Tuan Yang Terutama Tun, dalam memajukan lagi Negeri Melaka dengan mensejahterakan kehidupan rakyat serta memakmurkan ekonomi negeri.

Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan;

11. Sebagai Kerajaan yang masih lagi baharu, saya bagi pihak Kerajaan Perikatan Nasional Negeri Melaka amat sedar dan insaf bahawa sesungguhnya tugas, tanggungjawab dan amanah yang digalas selaku Ketua Menteri bukan sesuatu yang mudah, sebaliknya sangat mencabar terutama ketika negeri, negara serta seluruh dunia masih berhadapan dengan pandemik COVID-19.

12. Walau bagaimanapun, saya amat yakin dan percaya dengan sokongan padu, nasihat serta panduan daripada

Tuan Yang Terutama Tun, Negeri Melaka bumi bertuah ini mampu menempa semula kegemilangannya dalam acuan dan kerangka yang tersendiri. Kepada Allah SWT, saya berserah dan memohon pertolongan serta perlindungan.

Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan,

13. Saya memohon izin untuk menyampaikan ucapan kepada dif-dif jemputan serta para hadirin sekalian.

Yang saya hormati Saudara dan Saudari Pengacara Majlis;

**Yang Berhormat Dato Sri Ab Rauf bin Yusoh,
Speaker Dewan Undangan Negeri;**

**Yang Arif Datuk Wira Haji Ahmad Nasfy bin Haji Yasin
Hakim Mahkamah Tinggi Melaka;**

**Yang Berhormat Datuk Seri Hasim bin Hasan;
Setiausaha Kerajaan Negeri;**

Dif-dif Jemputan, Wakil-wakil Media dan hadirin yang dihormati sekalian.

MUKADIMAH

- 14. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah, izin serta inayah-Nya, Istiadat Angkat Sumpah Jawatan dan Menandatangani Surat Cara Sumpah Jawatan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka telah disempurnakan pada pagi ini.**

- 15. Untuk makluman hadirin semua, Kerajaan Perikatan Nasional Negeri Melaka mula mengambil alih pentadbiran negeri pada 9 Mac 2020 ketika bumi bersejarah ini sedang berhadapan penularan awal wabak COVID-19 serta masalah bekalan air.**

- 16. Walau bagaimanapun, sebagai kerajaan yang prihatin dan amat mendengar segala keluh kesah dan denyut nadi rakyat, Kerajaan Perikatan Nasional Negeri Melaka telah berjaya menyediakan pelbagai inisiatif dalam usaha mengurangkan beban rakyat yang begitu terkesan dengan pandemik ini.**

INISIATIF DAN BANTUAN COVID-19 NEGERI MELAKA

17. Penularan wabak COVID-19 yang melanda seluruh dunia telah memberi kesan secara langsung kepada rakyat Negeri Melaka terutama golongan berpendapatan rendah (B40). Bagi mengurangkan bebanan golongan sasar, Kerajaan Negeri Melaka dengan kerjasama Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) telah menyediakan sekurang-kurangnya 17 inisiatif dan bantuan khas kepada rakyat yang terjejas sama ada asnaf maupun bukan asnaf.

18. Selain inisiatif dan bantuan yang disediakan Kerajaan Negeri Melaka, Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN Rakyat dan Bantuan Prihatin Nasional yang diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan juga telah dapat membantu mengurangkan beban rakyat yang terkesan.

PENYELESAIAN ISU BEKALAN AIR DI NEGERI MELAKA

19. Sejak mengambil alih teraju Kerajaan, memang menjadi hasrat dan fokus utama pentadbiran saya untuk menyelesaikan masalah bekalan air di negeri Melaka. Berikutan kekurangan bekalan air mentah, program Bekalan Air Berjadual terpaksa dilakukan.

20. Walau bagaimanapun, sebagai kerajaan yang mendengar dan prihatin dengan masalah rakyat ditambah dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan susulan wabak COVID-19, akhirnya Kerajaan Negeri telah membuat keputusan menamatkan Bekalan Air Berjadual bermula pada 1 April 2020.

21. Sebagai pelan perancangan pengurusan dan penyelesaian bekalan air secara lestari, lebih-lebih lagi untuk menyokong aktiviti ekonomi negeri, Kerajaan Negeri Melaka beriltizam untuk melaksanakan tindakan perancangan jangka pendek dan jangka panjang.

22. Antaranya termasuk meneruskan pembinaan Projek Empangan Jernih di Alor Gajah pada tahun semasa, melaksanakan Kajian Kemungkinan Pembinaan Empangan Pesisir Pantai di Lembangan Sungai-Sungai Melaka serta Projek Mitigasi Tasik Biru dan Sungai Kesang dalam RMKe-12.

MELAKA SEBAGAI NEGERI PALING BAHAGIA

23. Kerajaan Negeri Melaka di bawah pentadbiran saya akan sentiasa mendokong prinsip kesederhanaan dan keseimbangan antara kehidupan duniawi dan ukhrawi. Begitu juga dalam aspek pembangunan dan kemajuan fizikal, aspek keseimbangan dan kelestarian tetap menjadi keutamaan.

24. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Melaka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada dua Pihak Berkuasa Tempatan di negeri ini iaitu Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan Majlis Perbandaran Jasin yang telah menerima pengiktirafan sebagai 10 Bandar Paling Bahagia di Malaysia bagi tahun 2019.

25. Bagi menyokong konsep Bandar Paling Bahagia, seterusnya membolehkan Negeri Melaka muncul sebagai Negeri Paling Bahagia di Malaysia, Kerajaan Negeri amat berharap rakyat dapat terus meningkatkan elemen-elemen yang digariskan untuk muncul sebagai Bandar Paling Bahagia termasuk memelihara hubungan dengan jiran, keselamatan kawasan kediaman serta hubungan kekeluargaan dengan ahli keluarga.

PEMULIHAN EKONOMI PASCA COVID-19

26. Ekonomi Negeri Melaka yang terkenal sebagai destinasi pelancongan amat bergantung kepada kedatangan pelancong domestik dan antarabangsa. Berdasarkan statistik, setiap tahun Negeri Melaka telah menerima kehadiran pelancong dari Negara China yang paling tinggi dalam kalangan pelancong asing.

27. Walau bagaimanapun, wabak COVID-19 yang melanda seluruh dunia telah menjaskan keadaan ekonomi negeri. Bagi membantu memulihkan ekonomi terutama dalam sektor pelancongan yang menjadi nadi utama, Kerajaan Negeri Melaka telah dan sedang mengambil langkah-langkah yang perlu di semua peringkat.

28. Ia termasuk penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Melaka bagi merangka agenda untuk meningkatkan semula pertumbuhan ekonomi negeri, menarik lebih banyak pelaburan baharu tempatan dan asing, menambah peluang pekerjaan rakyat, merancakkan semula sektor pelancongan dan yang paling penting memperkasa dan memayungi aspek kebijakan dan kesejahteraan rakyat secara keseluruhan.

29. Justeru, penerokaan sumber kekayaan dan pelaburan baharu akan menjadi fokus utama Kerajaan Negeri Melaka pasca COVID-19. Sasaran utama Kerajaan Negeri adalah menarik semula keyakinan pelabur untuk kembali menanam modal di negeri ini, sekali gus mencapai sasaran tahunan pelaburan negeri sebanyak RM5 bilion.

30. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri Melaka tidak mahu terlalu bergantung kepada peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan kewangan negeri semata-mata, sebaliknya perlu kepada pelaburan daripada pihak swasta termasuk pelaburan asing. Secara prinsipnya, setiap pelaburan asing yang memberi manfaat kepada kesejahteraan rakyat dan dapat menyediakan peluang pekerjaan dan perniagaan, wajar diteruskan.

31. Sektor pelancongan yang ketika ini menjadi penyumbang terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri turut akan diperkasa. Justeru, Kerajaan Negeri akan menambah baik produk pelancongan sedia ada, di samping mewujudkan produk pelancongan baharu yang lebih menarik, serta melaksanakan program yang dapat memikat lebih ramai pelancong menginap dan berbelanja di Melaka.

32. Sesungguhnya, siapapun kita, hakikatnya Negeri Melaka juga tidak terlepas daripada pelbagai cabaran. Pembudayaan integriti dengan aspek kepimpinan melalui teladan akan dititikberatkan bagi memastikan semua jentera kerajaan bebas daripada gejala rasuah dan penyelewengan. Ini akan membantu mewujudkan suasana ekonomi yang kondusif, meningkatkan daya saing dan kecekapan perkhidmatan awam, merancakkan pelaburan serta memperkuuh sosio-ekonomi dan politik negeri.

33. Kepada semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang dilantik, marilah kita bekerjasama untuk rakyat dan Negeri Melaka, memastikan tanggungjawab yang diamanah dapat dilaksana dengan penuh integriti, dengan memahami visi dan hala tuju pentadbiran Kerajaan Negeri.

34. Kepada semua penjawat awam negeri dan Persekutuan, anggota keselamatan, agensi-agensi kerajaan negeri, badan berkanun, pihak swasta dan rakyat keseluruhan, saya memohon agar kita semua dapat bekerjasama serta terus menyokong aspirasi Kerajaan Perikatan Nasional Negeri Melaka.

**Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh
Puan;**

PENUTUP

***POHON SENA DI TEPI PERIGI,
DI TEPI PAYA SI POHON JAMBU,
HADIRMU LAKSANA SURIA PAGI,
MENYINAR MAYA TAK PERNAH JEMU.***

35. Demikianlah ucapan saya pada istiadat kali ini. Saya bagi pihak Kerajaan Negeri bersama barisan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, saf pimpinan pelbagai peringkat serta rakyat sekalian akan sentiasa mendoakan Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan terus dikurniakan taufik dan hidayah untuk menaungi Negeri Melaka.

36. Semoga Allah SWT terus melimpahkan rahmat bahagia dan kurnia-Nya kepada Negeri Melaka, bumi bertuah lagi bersejarah ini serta dijauhkan daripada segala mara bahaya.

Sekian.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهِدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

- Tamat -